

# UMS, UPEN bincang kerjasama tingkat ekonomi Sabah

UB 19.07.2023 P.08

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan perbincangan bersama UPEN bagi mewujudkan kolaboratif antara kedua-dua pihak ke arah usaha meningkatkan ekonomi negeri Sabah.

Delegasi UMS yang diketuai Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan (PPIP), Prof. Madya Dr. Jidon A. Janaun berkata, kedua-dua pihak membincangkan peluang kolaboratif yang boleh diwujudkan dalam menguatkan perancangan ekonomi Negeri Sabah.

“Antara yang dibincangkan adalah kerjasama dalam menganalisis data-data ekonomi untuk membuat unjuran ekonomi negeri Sabah khususnya.

“Pihak UPEN juga menyambut baik usaha UMS untuk menghasilkan produk-produk inovasi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Sabah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat UPEN Sabah baru-baru ini.



**ALBUM: Jidon dan Jasmine merakamkan gambar bersama pegawai UPEN dan delegasi UMS.**

Kunjungan delegasi UMS itu disambut oleh UPEN Sabah, Datuk Jasmine Teo bersama pegawai-pegawai UPEN.

Jidon turut merakamkan penghargaan kepada UPEN atas keterbukaan untuk mengadakan kerjasama dengan UMS.

“Sudah tentu kolaboratif UMS dan UPEN ini akan

memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, serta mampu memberi impak positif kepada ekonomi Negeri Sabah,” ujar beliau.

Delegasi UMS yang turut serta dalam kunjungan tersebut wakil-wakil kingtangan pengurusan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Pusat Instrumen-tasi dan Perkhidmatan Sains

(PIPS), Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawana-nan Pelajar (PKPKP), Pu-sat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM), Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB), Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), In-stitut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Pusat Pelaburan, Endowmen, dan Wakaf (CIEW), dan PPIP.